

Buang mesej WhatsApp

SITUASI ini sering berlaku ketika menghantar sesuatu mesej di aplikasi WhatsApp kepada seseorang tetapi tersilap hantar kepada orang lain.

Ketika ini, aplikasi WhatsApp menjadi satu medium komunikasi utama berbanding membuat panggilan telefon atau penghantaran mesej menerusi sistem pesanan ringkas (SMS). Menerusi aplikasi WhatsApp ini, bukan sahaja mesej boleh dihantar tetapi pelbagai jenis fail seperti gambar dan video berupaya dikongsi menerusi penghantaran mesej.

Oleh itu, kekerapan penggunaan aplikasi komunikasi WhatsApp ini mengundang satu situasi yang sering berlaku ketika menghantar sesuatu mesej kepada seseorang tetapi secara tidak sengaja terhantar kepada orang lain.

Teknologi yang canggih memudahkan urusan seseorang termasuk dalam berkomunikasi tetapi kesilapan akan mengundang masalah.

Oleh itu, aplikasi WhatsApp mempunyai mekanisme untuk membuang mesej yang tersalah hantar. Had masa ditetapkan dalam tempoh masa tujuh minit untuk penghantar membuang mesej tersebut.

Sekiranya dalam masa tujuh minit mesej tersebut dibuang, mesej atau fail tidak akan dipaparkan dalam perbualan.

Cara buang mesej dalam

Tutorial ICT

Bersama **FIRKHAN**

irkhan.uthm@yahoo.com



aplikasi WhatsApp pada peralatan mudah alih.

1 Buka aplikasi WhatsApp dan pergi ke ruang perbualan mengandungi mesej yang hendak dibuang.

2 Sentuh (*tap*) dan tetapkan mesej yang dipilih bagi membolehkan mod pilihan berlaku. Sekiranya banyak mesej, boleh sentuh mesej-mesej yang hendak dibuang.

3 Sentuh (*tap*) *Delete > Delete for everyone*.

Buang Mesej Aplikasi WhatsApp pada komputer atau web

1 Klik pada anak panah ke bawah pada sebelah kanan mesej.

2 Klik pada pilihan *Delete message*.

3 Satu tettingkap pengesahan akan dipaparkan dengan pilihan *Delete for me*, *Delete for everyone* dan *Cancel*. Pilih mana pilihan yang sesuai.

Mesej yang dibuang untuk semua orang akan digantikan dalam perbualan dengan pernyataan, *This message was deleted*. Pastikan juga aplikasi WhatsApp yang digunakan adalah terkini.